

# ISLAM SIASAH DAN KEBANGSAAN

## PENTADBIRAN PEMERINTAHAN ISLAM BUKANNYA SEMATA-MATA DARIPADA PERINTAH ALLAH

Dalam bahagian ini pengarang makalah ini Doktor Taha Hussein merencanakan dan mengulas perkara-perkara pemerintahan yang ditadbir melalui dari masa Rasulullah berhijrah ke Madinah membawa sampai masa terbunuhnya Umar Al-Farouq. Ia mengupas faham-faham yang menyatakan bahawa dasar pemerintahan Islam itu adalah dasar yang semata-mata ditadbir mengikut perintah-perintah Allah dengan alasan-alasan dan dalil yang kuat yang mesti dipegang dan boleh dijadikan hujah dengan diberinya alasan-alasan kejadian-kejadian tawarikh yang berlaku di dalam sejarah pemerintahan pertadbiran (pentadbiran) yang dipegang oleh Rasulullah sendiri.

### CARA AL-FAROUK MEMBAHAGI ZAKAT (5)

Umar Al-Farouk dalam masa menjalankan perintah Allah memungut hasil-hasil zakat maka ia sangat bercermat menjalankan segala peraturan-peraturan yang berkenaan dengan baik tatkala memungut atau pun membahagikannya. Semua orang mengetahui riwayat bahawa pada suatu hari seorang Badwi telah datang menghadap Rasulullah (SAW) dan bertanya kepadanya : Tuhan memerintahkan tuan mengambil zakat dari pada hartawan-hartawan kami dan memulangkan kepada kaum miskin kami?”

“Ya” – jawab Rasulullah

Dengan dasar yang tersebut inilah Umar Ibnu al-Khattab memerintah orang-orangnya supaya bercermat menjalankan keadilan tatkala mereka memungut zakat di dalam tiap-tiap kampung dan memerintahkan supaya mereka membahagi-bahagikan pungutan zakat itu kepada sekalian fakir miskin di kampung-kampung itu jua supaya mereka yang pahit hidupnya, yang menderita kepahitan hidupnya tidak terpaksa menadah tangan. Baki zakat sesudah amil-amil membahagi-bahagikannya kepada mereka yang berhak di kampung-kampung itu juga maka Umar Al-Farouk memberi perintah supaya dibawa balik bagi digunakan untuk maslahat-maslahat orang-orang yang berhak yang lain-lain lagi yang tersebut dengan jelasnya di dalam al-Quran.

Tidak mustahak rasanya disebut di sini dasar sosialisme dan komunisme dan bukanlah Umar Al-Farouk itu seorang pengasas fahaman-fahaman yang tersebut kerana ia telah mengaku dan menetapkan undang-undang membayar hak milik” sebagaimana yang telah diaku oleh Rasulullah dan diaku oleh al-Quran ; dan ia juga telah memberi kebebasan kepada sesiapa yang berusaha dan menjadi kaya raya sebagaimana yang telah diizinkan oleh Rasulullah dan diizinkan oleh al-Quran. Tetapi yang hendak disebutkan disini ialah soal keadilan yang mengenai masyarakat (keadilan sosial) yang boleh dan dapat ditunaikan dengan tidak payah memansuhkan kaedah “berhak milik” dan kebebasan kebebasan mencapai kekayaan yang setengah daripada kerajaan-kerajaan demokrat zaman sekarang sedang terkial-kial tidak menuaikannya.

Kenanglah sahaja rancangan “Bribige” yang bertujuan menghendaki kerajaan mengawal keselamatan nyawa, kesihatan, hajat kehendak dan taraf kemuliaan rakyat-rakyatnya dengan tidak menghina dan merendahkan tenaga mereka dengan tidak pula memuakan mereka sehingga menjadi malas dan menggangur. Kenanglah bagaimana besar hajat dan cita-cita kerajaan-kerajaan yang berdasar demokrasi pada zaman ini dan tafsir atau kelebihanannya menuaikan segala yang dicita-cita mereka. Kemudian kenanglah segala usaha Umar Al-Farouk tatkala menyelengara soal

yang tersebut dan kejayaan-kejayaan yang telah didapatnya.

Sepanjang-sepanjang yang diketahui tak pernah Umar memuakan atau menjalankan dasar berlebih berkurang kepada semua pesuruh-pesuruh jaya atau pegawai-pegawaiannya bahkan Amirul Mukminin itu terlampau keras hukum perintahnya dan sentiasa mengawas gerak geri mereka dengan cukup cermat. Biasanya ia apabila melantik seseorang pesuruhjaya maka ia menghitung harta benda dan segala hak milik pegawai itu ketika ia dilantik dan menghitungnya sekali lagi tatkala pegawai itu berhenti atau dipecat. Sekiranya didapatinya harta pegawai itu telah bertambah maka tambahan itu dibahaginya dua, sebahagian dipulangkannya balik dan sebahagian lagi diambilnya disimpanannya di dalam Baitumal.

Pada suatu masa Al-Farouk telah menempelak pegawai-pegawaiannya yang telah menganiaya rakyat jelata : “Bilakah kamu dapat memperhambakan orang ramai pada hal mereka telah dizahirkan di dalam dunia dengan keadaan merdeka?!”

Biasanya pada tiap-tiap tahun ia berangkat mengerjakan Haji, di sana dapat ia menerima persuruhjaya-pesuruhjayanya yang telah ditetapkan supaya mengadapnya di sana dan di sana juga ia dapat menyiasat hal ehwal umat Muslimin yang datang dari serata jajahan takluk serta menerima pengaduan-pengaduan mereka dan menyelenggarakannya. Saya percaya kiranya lanjut lagi usia Al-Farouk itu nescaya dapatlah ia menyusun Majlis Kerajaan dengan susunan yang menjadikannya kekal dikut oleh orang Islam yang di belakang yang akan mengawal mereka daripada tercebur di dalam fitnah dan perpecahan dan akan menahan pegawai kerajaan dan XXX XXX dengan bermaharajalela.

Di sini buka tujuan hendak menyebut-yebut jasa Al-Farouk dalam perkara mentadbir umat Islam sehingga mereka berjaya membuka dan meluaskan jajahan-jahan takluk memimpin kerajaan Islam yang besar itu dan bukannya pula tujuan hendak menurunkan riwayat hidupnya hanya sanya tujuan kita

hendak menjelaskan bahawa kaedah yang diturut oleh Rasulullah dan bersungguh-sungguh oleh kedua khalifahnya – Abu Bakar dan Umar menurut jejak langkahnya, adalah suatu kaedah yang berdasar keadilan yang mutlak yang dijalankan dan ditegakkan dengan tidak gentar dan segan kepada tempelak dan ugutan yang datangnya daripada sesiapa pun kerana ketua-ketua pemerintahan yang menurut kaedah tersebut mengetahui bahawa Tuhan yang maha kuasa sentiasa melihat gerak langkahnya. Manakala semua rakyat jelata pula sudah tentu bersedia memerhatinya dan telah difardhukan di atas mereka supaya mengawasnya – kerana kepada mereka telah dipertanggungkan kewajipan supaya taat setia kepada khalifah selama khalifah kita berlaku adil ; dan supaya mereka membentulkan kesalahan, jika didapati ia bersalah, mereka juga boleh meminta penjelasan kepadanya kiranya mereka ada kesamaran atas sesuatu perkara yang berkait dengan gerak langkahnya itu supaya mereka menurutnya setelah jelas kepada mereka semuanya ; dan supaya mereka mengesyorkan akan suatu dengan alasan-alasan yang ma’qul atau mereka dibenarkan enggan menurutnya dengan alasan yang ma’qul pula.

-----\*-----\*

Kesimpulannya adakah kaedah yang telah diturut oleh Rasulullah (SAW) ini dan yang telah diturut oleh kedua-dua Khalifahnya yang bersungguh-sungguh itu sesuai kepada manusia yang mempunyai tabiat semula jadi suka mengutamakan maslahat diri, tamak, dan gemar mencari sesuatu kaedah dengan seberapa segeranya.” Adakah kaedah ini sanggup hidup berkekalan sehingga dapat mengubah tabiat-tabiat manusia dan membawa mereka mengikut atau untuk mencapai “tujuan tinggi yang lebih mulia” yang diseru oleh junjungan kita dan kedua-dua khalifahnya itu?

Bagi memudahkan menjawab pertanyaan-pertanyaan yang tersebut hendaklah kita lebih dahulu mengetahui kedudukan Islam yang telah memerintah semenjak diasaskan pada ketika zaman berhijrah ke Madinah sehingga zaman terbunuh Al-Farouk dan diganti oleh Usman

(khalifah yang ketiga).

Mereka yang sentiasa memandang kepada perkara-perkara yang zahir sahaja akan terpedaya lalu menyangka kerajaan Islam ini atau dengan perkataan yang lebih tepat cara pemerintahannya yang pendek itu ialah suatu cara perintahan yang berdasarkan agama semata-mata yang terbitnya daripada Allah dan tidak terpengaruh kepada tadbir manusia bahkan manusia tidak berhak memandai-mandai di dalamnya apalagi membantah atau menentangnya. Mereka juga akan mendirikan dalil dengan berkata : Rasulullah mengasaskan kerajaan ini adalah semata-mata menerima perintah Allah. Tuhanlah yang telah memberi perintah supaya orang Islam penduduk Mekah supaya berhijrah bersama-sama dengannya: dan Tuhan juga yang telah menurunkan wahyu kepadanya akan cara dan susunan pemerintahan kerajaan itu sementelah pula Tuhan telah berfirman dalam surah Al-Najm yang maksudnya lebih kurang : "Demi bintang ketika ia terbenam, tiadalah sesat temanmu itu (Muhammad) dan tiada pula salah kepercayaannya. Ia tiada berkata menurut nafsunya, melainkan menurut wahyu yang disampaikan kepadanya."

Tuhan juga telah memerintah supaya orang Islam taat setia kepada Allah dan kepada Rasulnya; dan Tuhan juga telah menerangkan bahawa orang Islam tidak dibilangkan beriman sebelum mereka menjadikan Rasulullah hakim di dalam segala perbalahan mereka yang terjadi. Golongan yang tersebut di atas tadi akan menegakkan dalil dan berkata : Abu Bakar ialah Khalifah Rasulullah, dan Umar ialah Khalifah Abu Bakar, jadi cara pemerintahan kerajaan Islam itu turun daripada Allah kepada Rasul dan daripada Nabi kepada kedua sahabatnya. Dengan demikian cara pemerintahan Islam pada masa yang tersebut berdasar perintah yang telah disusun oleh Allah semata-mata. Tetapi saya (Taha Hussein) tetap berpendapat dengan tidak menaruh syak sedikit pun bahawa pendapat golongan yang tersebut jauh terpelanting daripada kebenaran. Islam yang benarnya

ialah agama sahaja, tidak lebih dan tidak kurang. Islam telah memimpin manusia ke arah maslahat-maslahat mereka yang mengenai dunia dan akhirat – dan yang pertama sekali Islam telah menjelaskan kepada manusia hukum dan larangan-larangan yang berhubung dengan tauhid, dan kedua hendaklah mereka membenarkan (mentasdikkan) pesuruhnya : kemudian daripada itu hendaklah mereka bercermat mengerjakan segala jenis kebajikan. Sementang pun begitu Allah Subhanahu Wa Taala tidak merampas kebebasan dan tidak menyekat ikhtiar mereka. Tuhan telah membiarkan mereka bebas di dalam kawasan-kawasan yang telah ditetapkan untuk mereka ; tidak pula Tuhan menentukan sikap-sikap apa yang patut mereka kerjakan dan apa-apa yang patut mereka tinggalkan – tetapi Tuhan telah memberi kepada mereka akal fikiran yang menimbang dan mata hati yang mengingat ; mereka telah di xxx dan digalakkan mengerjakan kebajikan, mengerjakan perkara-perkara yang benar, mengerjakan maslahat-maslahat umum dan maslahat yang tertentu dengan kadar kuatkuasa mereka dan sepanjang-sepanjang dapat mereka menuju ke arah jalan yang tersebut.

Tuhan telah memberi perintah supaya Rasulullah bermesyuarat dengan kaum Muslimin di dalam urusan pemerintahan; sekiranya hal itu semata-mata perintah yang turun dari langit nescaya Rasulullah akan terus mengerjakan dengan tidak payah bermesyuarat lagi pada hal Allah telah berfirman (maksudnya) : "dan sekiranya kamu ya Muhammad seorang yang kasar tutur kata, tidak lapang dada, nescaya mereka akan melarikan diri daripada seruan mu, maka maafkanlah mereka dan pohonlah kemaafan daripada Allah akan dosa mereka, serta bermesyuaratlah dengan mereka di dalam segala urusan."

Ayat ini telah diturunkan oleh Allah di antara beberapa ayat lagi di dalam peristiwa kemalangan yang menimpa orang-orang Muslimin di dalam peperangan Ahad (Uhud). Sebelum itu Rasulullah telah menerima syor sahabat-sahabatnya di dalam masa peperangan Badar tatkala ia

menempatkan mereka di dalam salah satu tempat –  
tiba-tiba setengah-setengah sahabat telah bertanya kepada  
Rasulullah “adakah mereka ditempatkan  
di situ dengan perintah atau hanya menurut maslahat-maslahat  
dan tipu daya peperangan?” jawab Rasul  
Allah : ya hanya untuk maslahat peperangan.”  
Pada ketika itu mereka telah mengesyorkan supaya  
Rasulullah memimpin tenteranya dari tempat  
itu ke tempat yang lebih sesuai menurut maslahat  
peperangan dan berhampiran pula dengan air.

Satu lagi tatkala kaum Quraisy datang  
melanggar Madinah maka Rasulullah berpendapat  
bahawa ia tidak mahu keluar bersama-sama  
sahabatnya menentang kedatangan seteru di luar  
Madinah bahkan ia hendak bertahan di dalam  
bandar itu kiranya kaum Quraisy datang melanggar.

Tetapi sahabat-sahabat terutamanya sahabat Ansar telah mendesak  
supaya Rasulullah memimpin tenteranya dan keluar menentang kaum  
Quraisy di luar Madinah. Rasulullah beralih menurut syor mereka  
lalu masuk ke dalam memakai pakaian dan ber lengkap dengan  
alat senjata. Pada ketika itu orang-orang Islam telah menyesal  
memaksa Rasulullah melakukan sesuatu yang tidak digemarinya.  
Rasulullah yang telah siap ber lengkap itu apabila keluar mendapatkan  
mereka maka mereka meminta maaf dan izin meminta supaya ia  
membatalkan cadangan mereka dan berpegang kepada pegangan yang  
asal tetapi ia enggan dan terus meneruskan azamnya.

Sekiranya hukum-hukum pemerintahan Rasulullah diturunkan dari  
langit dengan perintah Tuhan semata-mata nescaya sahabat-sahabat tidak  
dapat mendesak kepada sesuatu yang dikehendaki seperti yang tersebut  
itu dan sudah tentu ia tidak akan menerima sesuatu syor  
daripada mereka walau bagaimanapun mustahaknya syor-syor itu.  
Demikian juga kerana syor-syor yang didatangkan kepadanya ia telah  
menyuruh sahabat-sahabat menggali parit di dalam peperangan yang terkenal  
dengan peperangan “Gazwatul Al-Ahzab” (Bersambung)



*Belajar – bukanlah ia masalah kanak-kanak sahaja tetapi ia suatu  
kewajipan kepada tiap-tiap orang!  
Selagi ada hayat dikandung badan maka  
seseorang itu dituntut supaya belajar dan ilmu itu selagi ada hayat  
manusia masih kurang kepada mereka. Gambar menunjukkan ibu-ibu yang sedang  
dahaga ilmu agama disekolah Misyal di Tanglin singapura.*

Diucapkan Selamat Hari Raya kepada sekalian kaum Muslimin!

## AL SYED AWAD BIN HAMED

Dipersilakan tuan-tuan datang ke kedai kita. Kita ada  
sediakan berjenis-jenis kain batik yang bermacam-macam corak  
dan warnanya demikian juga kain-kain sutera tenunan Jawa  
seperti Samarinda dan Dungla dengan harga yang munasabah  
dan berpatutan.

## S. AWAD BIN HAMED

727, NORTH BRIDGE ROAD,  
SINGAPORE.